




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 25 – 28 JUN 2021

BIL. 19 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 28 Jun 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 672,453** atau 91.0 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **61,812 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **5,218 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **739,266 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **5,211 kes** daripada catatan harian dengan **79.1 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 7 kes**. Kawasan Lembah Klang mendominasi **kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 43.5 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (19.1 peratus), Zon Selatan (17.8 peratus), Zon Utara (11.6 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.0 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **1,989 kes** disusuli Negeri Sembilan (629), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (469 kes), Sarawak (409 kes), Perak (400 kes) dan Sabah (258 kes). Sejumlah **5,001 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **57 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 27 Jun 2021 menunjukkan seramai **5,308,849** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Sarawak menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **953,982** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 932,659. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Selangor (851,118), Johor (430,145), Sabah (372,421), Perak (304,672), Pulau Pinang (265,670), Kedah (224,536) sementara Kelantan dan Pahang masing-masing merekodkan 203,288 dan 197,704. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **7,395,905** meliputi **5,308,849** penerima bagi **dos pertama** manakala **2,087,056** telah menerima **dos yang kedua**.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - US: **Tuntutan faedah pengangguran lebih tinggi daripada dianggarkan** Permohonan untuk insurans pengangguran US turun

sedikit minggu lalu, walaupun lebih tinggi dari yang diramalkan apabila pasaran buruh sedang dalam proses pemulihan sepenuhnya. Tuntutan faedah pengangguran menurun sebanyak 7,000 kepada 411,000 pada minggu yang berakhir pada 19 Jun 2021 berbanding median aggaran dalam tinjauan penganalisis ekonomi pada 380,000. (Bloomberg)

- **US: Pesanan barang tahan lama meningkat 2.3% pada Mei 2021.** Pesanan baharu untuk barang tahan lama US pulih apabila mencatatkan peningkatan sebanyak 2.3% pada bulan Mei 2021 setelah turun -0.8% pada bulan April 2021. Penganalisis ekonomi menjangkakan pesanan barang tahan lama meningkat 2.7%. (RTT)
- **EU: Keyakinan perniagaan Germany meningkat lebih dari yang dijangkakan.** Laporan ifo Institute menunjukkan keyakinan perniagaan Germany meningkat lebih dari yang dijangkakan pada bulan Jun 2021, apabila mencatatkan indeks 101.8 daripada 99.2 pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini adalah lebih tinggi dari jangkaan pada 100.6. Menurut ifo, kedua-dua penilaian semasa dan jangkaan meningkat pada bulan rujukan. (RTT)
- **SOUTH KOREA: Sentimen pengguna meningkat pada bulan Jun 2021.** Bank of Korea (BoK) melaporkan sentimen pengguna di South Korea meningkat pada bulan Jun 2021 pada skor indeks sentimen pengguna komposit 110.3. Skor indeks ini adalah lebih tinggi dari 105.2 yang dicatatkan pada Mei 2021. Sentimen pengguna mengenai taraf hidup semasa tidak berubah, pada 93, sementara prospek dua mata lebih tinggi pada 95. Sentimen pengguna yang berkaitan dengan pendapatan isi rumah masa depan adalah dua mata lebih tinggi pada 100. (RTT)
- **THAILAND: Pertumbuhan eksport Thailand pada Mei 2021 berada pada tahap tinggi 11 tahun.** Eksport Thailand melonjak 41.59% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021 daripada 13.09% pada bulan April 2021. Kadar ini adalah yang terpantas dalam hampir 11 tahun yang didorong oleh permintaan global yang semakin meningkat. Nilai peningkatan ini adalah lebih tinggi bebanding ramalan lonjakan 30% oleh Reuters. Eksport dipacu oleh kenaikan 170% tahun ke tahun dalam penghantaran kenderaan dan alat ganti kenderaan. (Reuters)
- **US: Sentimen pengguna meningkat isi rumah US meningkat.** Sentimen pengguna AS meningkat pada bulan Jun 2021, didorong oleh peningkatan prospek ekonomi di kalangan isi rumah berpendapatan tinggi. Indeks Sentimen Pengguna University of Michigan meningkat kepada 85.5 daripada 82.9 yang dicatatkan pada akhir Mei 2021. Walau bagaimanapun indeks sentimen berada di bawah bacaan awal bulan Jun iaitu 86.4. (Reuters)

- US: **Pendapatan perseorangan menurun pada bulan Mei 2021.** Commerce Department melaporkan pendapatan perseorangan US mengalami penurunan sebanyak -2.0% pada bulan Mei 2021 setelah mencatatkan kejatuhan sebanyak -13.1% pada bulan April 2021. Penganalisis ekonomi menjangkakan pendapatan perseorangan menurun sebanyak -2.5%. Pendapatan perseorangan boleh guna, iaitu jumlah pendapatan perseorangan setelah ditolak cukai juga merosot sebanyak -2.3% pada bulan Mei 2021 setelah menjunam sebanyak -14.6% pada bulan April 2021. (RTT)
- EU: **Keyakinan pengguna Germany meningkat pada Julai 2021.** Tinjauan yang dilaksanakan GfK menunjukkan keyakinan pengguna Germany akan meningkat pada bulan Julai 2021 apabila negara berkenaan melonggarkan sekatan pergerakan. Indeks sentimen pengguna ke hadapan meningkat lebih tinggi daripada yang dijangkakan menjadi -0.3 pada bulan Julai 2021 daripada -6.9 pada bulan Jun 2021. Ia merupakan bacaan yang tertinggi sejak Ogos 2020. Bagi Jun 2021, ekonomi dan pendapatan dijangkakan meningkat dengan ketara dan kecenderungan untuk membeli menunjukkan pertumbuhan yang sederhana. (RTT)
- UK: **Keyakinan pengguna kekal stabil pada bulan Jun 2021.** Indeks keyakinan pengguna kekal stabil pada -9.0 pada bulan Jun 2021 dan diramalkan akan meningkat kepada -7.0 pada bulan berikutnya. Trajektori menaik untuk indeks berkenaan sejak kemunculan wabak COVID-19 ini menunjukkan ekonomi berada di atas landasan pemulihan. Namun, ramalan kenaikan inflasi harga runcit dijangka melemahkan keyakinan pengguna. (RTT)
- UK: **Bank of England (BoE) menjangkakan inflasi melebihi 3% bagi tempoh masa sementara.** BoE menjangkakan inflasi akan melebihi 3% buat sementara waktu, dan akan turun kembali setelah kesan kenaikan harga komoditi kembali stabil. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC), pembuat dasar mengulangi bahawa akan memastikan dasar tidak berubah, seperti yang dijangkakan. (RTT)
- CHINA: **Pertumbuhan keuntungan industri China perlahan akibat harga bahan mentah yang tinggi.** Pertumbuhan keuntungan di firma perindustrian China kembali perlahan pada bulan Mei 2021 apabila kenaikan harga bahan mentah menekan margin dan membebani aktiviti pembuatan. National Bureau of Statistics melaporkan keuntungan dari firma industri China meningkat 36.4% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021 kepada CNY829.92 bilion (USD128.58 bilion) berbanding kenaikan 57% yang dilaporkan pada bulan April 2021. China yang sebahagian besarnya telah pulih dari gangguan COVID-19 menghadapi cabaran baharu seperti peningkatan kos bahan mentah dan penurunan rantaian bekalan global. (Reuters)

- SINGAPORE: **Pengeluaran perindustrian meningkat pada bulan Mei 2021.** Laporan Economic Development Board menunjukkan output industri melonjak 30.0% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021 setelah mencatatkan kenaikan 2.3% pada bulan Mac 2021. Tanpa termasuk pembuatan bioperubatan, pengeluaran perindustrian meningkat 29.0% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021 berbanding kenaikan 11.3% pada bulan sebelumnya. Perbandingan bulan ke bulan, pengeluaran industri meningkat 7.2% pada bulan Mei 2021, setelah penurunan -0.4% pada bulan sebelumnya. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **50,000 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perniagaan mikro** berasaskan komuniti akan gulung tikar apabila pelaksanaan sekatan pergerakan penuh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 terus dilanjutkan oleh kerajaan.
2. **Sektor perhotelan negara semakin nazak apabila sekurang-kurangnya 120 buah hotel sudah ‘check out’ daripada bisnes perhotelan** sama ada menutup operasi secara penuh atau sementara. Antara hotel yang menutup operasi secara penuh dan sementara adalah Hotel Shah Village, Petaling Jaya; Hotel Shah Beach, Melaka; Royale Chulan Bukit Bintang, Kuala Lumpur; Puteri Pacific Hotel, Johor; Holiday Inn Resort, Pulau Pinang; Hotel Equatorial, Pulau Pinang; Hotel Silka Maytower, Kuala Lumpur; GTower Hotel, Kuala Lumpur; Kinta Riverfront Hotel & Suites, Perak; Ramada Plaza, Melaka; Jazz Hotel, Pulau Pinang; Berjaya Tioman Resort, Pahang; Sheraton Imperial, Kuala Lumpur (tutup sementara) dan Anson Hotel, Perak (tutup sementara).
3. **Harga minyak sawit mentah (CPO) berkemungkinan mencapai RM3.200 per tan tahun ini**, disokong oleh permintaan eksport yang stabil, pertumbuhan pengeluaran yang perlahan dan permintaan yang tegas untuk biodiesel berdasarkan minyak sawit. **Permintaan eksport CPO meningkat pada bulan Mac 2021**, dengan jumlah permintaan eksport mencapai di atas 1,0 juta tan, didorong oleh aktiviti pengumpulan semula dari China dan India.
4. **Jumlah perdagangan Malaysia meningkat 26% tahun ke tahun (y-o-y) kepada RM867.4 bilion dalam lima bulan pertama 2021**. Lebihan perdagangan melonjak 112.2% kepada RM92.79 bilion kerana eksport meningkat 31.1% menjadi RM480.09 bilion dan import meningkat 20.1% kepada RM387.31 bilion. Semua pasaran utama, iaitu ASEAN, China, AS, Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun, mencatat pertumbuhan eksport yang positif.
5. **Moratorium pinjaman kepada semua perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) serta isi rumah B40 dan M40 selain moratorium bersasar sekurang-kurangnya tiga bulan atau pengurangan bayaran pinjaman 50 peratus selama enam bulan kepada individu, amat diperlukan bagi memastikan jaringan keselamatan sosial dan perniagaan.** EMIR Research menyatakan sambutan yang menggalakkan dari segi permohonan yang memberi manfaat bantuan kepada banyak pihak berikutan prospek ekonomi yang dijangka mencabar menunjukkan moratorium menyeluruh diperlukan sehingga enam bulan.

6. **Ekonomi Malaysia mampu pulih dengan pantas pada kadar 4.5 peratus tahun 2021 atau 6.5 peratus sekiranya pelaksanaan pelan pemulihan negara berkesan.** Seterusnya ekonomi negara akan pulih dengan cepat apabila aktiviti ekonomi dibuka sepenuhnya. Unjuran pertumbuhan ekonomi tersebut mencerminkan proses yang lebih perlahan untuk menangani pandemik dan pelaksanaan program vaksinasi menurut 'Malaysia Economic Monitor: Weathering the Surge' oleh Bank Dunia.
7. **Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) menarik pelaburan bernilai lebih RM16 bilion pada 2021,** sekali gus bakal mencipta lebih 19,000 peluang pekerjaan bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Pelaburan tersebut menunjukkan bukti keyakinan para pelabur yang berterusan terhadap usaha kerajaan dalam menguruskan pandemik COVID-19.
8. Sejak pelaksanaan Perintah Kawalah Pergerakan (PKP) rantaian bekalan bagi bahan binaan terganggu. **Penutupan kuari dan pengurangan bahan agregat menyebabkan kerja pembinaan kritikal yang dibenarkan beroperasi sepanjang sekatan pergerakan penuh ini menghadapi kadar stok rantaian bekalan yang rendah.** Dengan peberhentian pengeluaran hampir sebulan, rantaian bekalan terhadap projek kritikal dan projek-projek lain akan terganggu. Ini memberi impak kepada pembekalan produk keluli dan simen kepada projek infrastruktur kritikal seperti MRT, LRT3 dan ECRL.
9. Genting membuka **Resorts World Las Vegas** pada Khamis, hartanah terbesar di daerah Strip bandar raya itu dalam tempoh lebih sedekad. Hartanah bernilai AS\$4.3 bilion (RM17.9 bilion) menampilkan 3,500 bilik hotel, teater 5,000 tempat duduk serta skrin LED sebesar 100,000 kaki persegi di bahagian sisi salah satu menara.
10. Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) telah berjaya mendapatkan **pelaburan bernilai lebih RM16 bilion pada 2021.** Ini memberikan harapan kepada pemulihan ekonomi pasca COVID-19. Pelaburan ini merupakan kerjasama bersama dengan Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

- 11.Kerajaan bersetuju membiayai **pemberian rebat tambahan sebanyak 0.87 sen/kWj** melibatkan peruntukan RM493 juta melalui dana **Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)**. Pemberian rebat tambahan ini membolehkan semua pemilik akaun TNB menikmati purata diskaun **sebanyak lima peratus** bagi tempoh tersebut.
- 12.**Pelanjutan Program Subsidi Upah (PSU) dan pemberian moratorium pinjaman secara automatik** antara kemudahan yang amat diperlukan komuniti perniagaan PKS bagi memastikan kelangsungan dalam berdepan pandemik COVID-19.
- 13.KKMM menuju ke arah sebuah jawatankuasa khas bersama pihak TM untuk **mengenal pasti kawasan tiada liputan internet atau capaian lemah** bagi mengatasi masalah pelaksanaan proses PdPR.
- 14.**Terdapat 27 buah Pasar Segar Terkawal (PST) yang beroperasi di seluruh negara** ketika ini dalam memberikan akses pilihan kepada pengguna bagi mendapatkan barang keperluan harian.
- 15.Seramai 15,612 pengusaha perusahaan kecil sederhana dan pertanian telah **menerima pembiayaan daripada keseluruhan RM350 juta yang diperuntuk di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank**.
- 16.**SME Bank memperuntukkan dana sebanyak RM200 juta di bawah Pembiayaan Geran Padanan PEMERKASA** bagi membantu usahawan dari sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) yang terkesan akibat COVID-19. Pembiayaan ini membolehkan usahawan PKS membuat pembelian mesin, peningkatan adaptasi teknologi dalam perniagaan dan membantu dalam mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.
- 17.**Sejumlah 669,846 pekerja daripada 4,537 syarikat seluruh Malaysia telah mendaftar di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Awam-Swasta (PIKAS) sehingga 27 Jun.** Di bawah PIKAS, kerajaan akan menyediakan vaksin secara percuma sementara sektor swasta akan menguruskan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) termasuk dengan perkhidmatan perubatan swasta.
- 18.Kerajaan telah **mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** bernilai **RM150 bilion** termasuk RM10 bilion suntikan fiskal. Sebanyak RM500 akan diberikan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan pada 2021 dengan bantuan RM500 juta yang dijangka memanfaatkan 1 juta individu.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian 27 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	Usahawan PKS Mikro penjana ekonomi negara PKS Mikro dan usahawan tani mampu menjadi penjana ekonomi negara kerana mereka meliputi 98.5% pertubuhan pelbagai saiz dan sektor perniagaan di Malaysia.	https://www.sinarharian.com.my/article/146544/BERITA/Nasional/Usahawan-PKS-Mikro-penjana-ekonomi-negara
2.	The Edge Market 27 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	PENJANA: RM198.67 mil approved under microcredit financing scheme, says Ronald To help agricultural entrepreneurs affected by the COVID-19, RM198.67 million in financing has been approved under the Agrobank Microcredit Financing Scheme through the allocation of the National Economic Recovery Plan (PENJANA). 15,612 SME and agricultural entrepreneurs had received financing from the overall RM350 million allocated to the microcredit scheme.	https://www.theedgemarkets.com/article/penjana-rm19867-mil-approved-under-microcredit-financing-scheme-says-ronald
3.	The Edge Market 27 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	Two-thirds of SMEs see no hope of recovery this year, says Samenta Two out of three small to medium enterprises (SMEs) do not foresee their businesses recovering this year, according to the Small & Medium Enterprises Association (Samenta).	https://www.theedgemarkets.com/article/twothirds-smes-see-no-hope-recovery-year-says-samenta

		<p>After over a year of disrupted business, SMEs are no longer in a position to survive on their own. Indeed, 30% of SMEs would have run out of cash during this FMCO, and if the FMCO is extended, many of these would simply close down.</p>	
4.	The Edge Market 28 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Post-pandemic recovery amid rising inflation</p> <p>In Malaysia, the government imposed the Full Movement Control Order (FMCO) from June 1 to 14, owing to the persistently high number of COVID-19 cases.</p> <p>The local economy will not be as bad as it was in the second quarter of last year, when GDP shrank 17.1%.</p> <p>The government will be allowing private vaccination centres to administer a total of 40,000 doses daily. It aims to raise daily vaccinations to 150,000 doses by end-June and 300,000 by August.</p> <p>In addition, the government announced a RM40 billion economic stimulus package (estimated at 2.8% of GDP) called Pemerkasa Plus in May, just ahead of the FMCO.</p>	https://www.theedgemarkets.com/content/advertise/postpandemic-recovery-amid-rising-inflation

<p>5.</p> <p>Berita Harian 28 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i></p>	<p>Miskin tegar layak tuntut rebat RM40 bil elektrik</p> <p>Golongan miskin tegar berpendapatan RM1,169 ke bawah dan berdaftar dalam sistem e-Kasih layak menuntut rebat bil elektrik sebanyak RM40.</p> <p>Sehingga Mei 2021, jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang layak menerima rebat bil elektrik ialah 282,182 orang dan daripada jumlah ini hanya Hanya 113,745 atau 40.31 peratus daripada KIR yang layak, mengemas kini nombor akaun bil elektrik. Pengemaskinian akaun bil elektrik akan membolehkan rebat ini dinikmati oleh KIR.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/832976/miskin-tegar-layak-tuntut-rebat-rm40-bil-elektrik</p>
---	---	--

Penemuan penting & isu:

1. PKS merupakan sektor terpenting yang perlu diambilkira bagi memastikan ekonomi dapat terus dijana. Oleh itu, kerajaan menyediakan peruntukan khas kepada PKS serta pengusaha pertanian melalui PENJANA bagi membantu meringankan beban golongan tersebut.
2. Semasa PKP1.0, KDNK negara kehilangan sejulah RM2.4 bilion sehari manakala pendapatan syarikat korporat menurun 11.3% bagi tempoh 18 Mac hingga 2 Jun 2020.
3. Berkaitan rebat elektrik sebanyak RM40 kepada Ketua Isi Rumah (KIR) golongan miskin tegar. Bilangan KIR di dalam kategori miskin tegar yang direkodkan adalah sebanyak 282,182 orang sehingga Mei 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan kepada PKS dan pengusaha pertanian dijangka dapat membantu mengukuhkan ekonomi negara secara keseluruhan kerana PKS merangkumi 98.5% pertubuhan dan sektor perniagaan. KDNK Negara mencatatkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 pada suku tahun pertama tahun 2021.

2. Pelaksanaan PKP bagi membendung penularan kes COVID19 telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara apabila beberapa sektor yang tidak terlibat dengan perkhidmatan perlu (*essential services*) tidak dibenarkan beroperasi. Penutupan beberapa sektor utama ini telah memberi impak kepada KDNK negara yang mana pada tahun 2020, KDNK menyusut 5.6 peratus. Pada ST1 2021, KDNK negara kembali ke landasan pemulihan apabila menyusut secara marginal 0.5 peratus berbanding negatif 3.4 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya.
3. Pemberian rebat elektrik akan memberikan impak kepada perbelanjaan kerajaan di mana rebat ini direkodkan sebagai pindahan kepada isi rumah.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Free Malaysia Today 23 Jun 2021	Perniagaan milik Bumiputera ‘di ambang kematian’, Putrajaya diberitahu Sebuah persatuan peruncit memberi amaran bahawa perniagaan milik Bumiputera kini “di ambang kematian” kerana kekurangan bantuan kerajaan untuk membolehkan mereka bertahan ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) 3.0.	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tarikh/2021/06/23/perniagaan-milik-bumiputera-di-ambang-kematian-putrajaya-diberitahu/
2.	Harian Metro 24 Jun 2021 (<i>Essential</i>)	My AEON To Go dibangun 2 Ogos AEON Co (M) Bhd (AEON) memperuntukan sejumlah besar pelaburan bagi memperkuatkannya kehadirannya di Malaysia dengan menaik taraf kemudahan sedia ada selain melonjakkan jualan dalam talian.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/721946/my-aeon-go-dibangun-2-ogos

	B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan		
3.	Free Malaysia Today 28 Jun 2021 (Essential)	<p>Sudah berbulan tiada pendapatan, bas boleh rosak kalau terlalu lama tak ‘jalan’, kata pengusaha</p> <p>Pemandu bas henti-henti dan bas ekspres hampir kehilangan pendapatan kerana sempadan daerah dan negeri ditutup, selain orang ramai yang tidak yakin bahawa pengangkutan awam selamat.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/taraf/empatan/2021/06/23/perniagaan-milik-bumiputera-di-ambang-kematian-putrajaya-diberitahu/
	C. Kesihatan Swasta		
4.	Harian Metro 25 Jun 2021 (Essential)	<p>Yakin 80% dapat divaksin</p> <p>Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yakin 80 peratus warganya dapat disuntik vaksin COVID-19 pada Julai dan Ogos depan. Sebanyak 100 klinik swasta dan 19 hospital swasta dijadikan PPV untuk meningkatkan kapasiti harian pemberian vaksin. KWP akan fokus pemberian vaksin kepada kumpulan kecil seperti kumpulan rentan, B40, penduduk di kawasan kepadatan tinggi seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) termasuk gelandangan.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/722399/yakin-80-dapat-divaksin
5.	New Straits Times 25 June 2021 (Essential)	<p>Private vaccination should offer different types of COVID-19 vaccines</p> <p>The private COVID-19 vaccination programme, expected to roll out in August this year, should be able to offer different vaccines to people so that they can decide which is the most</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/702241/private-vaccination-should-offer-different-types-COVID-19-vaccines

		<p>suitable according to health conditions. The private sector would be very cautious if the type of vaccines they pay for are limited (in types and brands), as it is common knowledge that the acceptability of vaccines internationally varies largely on the source and type of vaccine.</p>	
6.	Harian Metro 25 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MSU lancar inisiatif bantu sasaran 80 peratus imuniti kelompok</p> <p>Management and Science University (MSU) menerusi Yayasan MSU melancarkan inisiatif komprehensif Partnership for Covid Elimination (PaCE) bagi menyokong sasaran 80 peratus imuniti kelompok di Malaysia melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Program vaksinasi ini bakal memperkasakan pelaksanaan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) dan Pusat Pemberian Vaksin Institusi Pendidikan Tinggi (PPV IPT) melalui kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM).</p> <p>Sejak 17 Mac lalu, MSUMC sudah melaksanakan pemberian vaksin kepada kira-kira 16,000 penerima termasuk petugas barisan hadapan kesihatan serta warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU).</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/722656/msu-lancar-inisiatif-bantu-sasaran-80-peratus-imuniti-kelompok

7.	Astro Awani 25 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Penglibatan klinik swasta sebagai PPV, cepatkan proses pemberian vaksin</p> <p>Pengamal perubatan swasta berharap kerajaan dapat meningkatkan dos vaksin kepada klinik swasta yang berfungsi sebagai pusat pemberian vaksin (PPV). Langkah itu dapat meningkatkan akses dan mempercepat proses mencapai imuniti kelompok. Setakat ini 700 klinik swasta berfungsi sebagai PPV bagi fasa kedua dan ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kerajaan (PICK).</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penglibatan-klinik-swasta-sebagai-ppv-cepatkan-proses-pemberian-vaksin-304971
8.	Harian Metro 26 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pulau Pinang terima vaksin berganda pada Julai ini</p> <p>Pulau Pinang akan menerima jumlah vaksin berganda pada bulan depan berbanding bulan ini selepas kadar vaksinasi harian di negeri itu melebihi sasaran ditetapkan.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/722875/pulau-pinang-terima-vaksin-berganda-pada-julai-ini-metrotv
9.	Malaysia Kini 26 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Selangor buat raptai program Vaksin Selangor</p> <p>Kerajaan Selangor melancarkan raptai program "Vaksin Selangor" di lokasi terpilih bermula dari jam 2 petang hingga 8 malam di tiga pusat beli-belah (Tropicana Gardens Mall, Aurora Mall, Evo Mall), sebuah hotel (De Palma Shah Alam), kompleks sukan (PKNS Kelana Jaya), balai raya (Dewan Seri Siantan Selayang) dan klinik swasta Selcare. Empat klinik Selfcare beroperasi sebagai pusat pengagihan vaksin (PPV) iaitu di Skypark Subang, USJ Sentral, Puchong dan Putrajaya.</p>	https://www.malayakini.com/news/580590

10.	Kosmo 27 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	MDC Asia bakal miliki Hospital Pusrawi Damansara <p>Peneraju perkhidmatan perubatan halal dan patuh syariah swasta, MDC Asia Link Bhd. (MDC Asia) bakal memuktamadkan pengambilalihan Hospital Pusrawi Damansara, dijangka pada Ogos depan. Ketua Pegawai Eksekutif MDC Asia, Dr. Aslan Bacho berkata, pihaknya akan membuat pelaburan kira-kira RM8.5juta untuk memberi nafas baharu kepada hospital berkenaan. Kira-kira lapan doktor pakar dan 35 orang jururawat diperlukan bagi menyertai pasukannya di hospital itu kelak.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/06/27/mdc-asia-bakal-miliki-hospital-pusrawi-damansara/
D. Subsektor Penginapan			
11.	The Star 28 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Consider us for tourism bubble plan, say hoteliers	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/28/consider-us-for-tourism-bubble-plan-say-hoteliers
12.	Sinar Harian 25 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Antara 120 hotel yang terpaksa ucap 'selamat tinggal' <p>Sektor perhotelan negara semakin nazak apabila sekurang-kurangnya 120 buah hotel sudah 'check out' daripada bisnes perhotelan sama ada menutup operasi secara penuh atau sementara. Ini kerana sektor perhotelan terus mencatatkan</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/146234/LAPORAN-KHAS/Antara-120-hotel-yang-terpaksa-ucap-selamat-tinggal

		kerugian besar lantaran sekatan rentas negara, negeri dan daerah. Antara hotel yang telah menutup operasi secara menyeluruh adalah, Beach Melaka, Puteri Pacific Hotel, Johor, Holiday Inn Resort, Pulau Pinang.	
13.	Sinar Harian 25 Jun 2021 (Essential)	<p>Kami dah lebih setahun ‘berehat’</p> <p>Situasi pandemik yang belum menampakkan sebarang tanda pemulihian terus menyeksa industri perhotelan khususnya di kawasan bandar kecil. Antara hotel yang terpaksa menutup sementara operasi mereka ialah Anson Hotel yang terletak di Bandar Teluk Intan yang telah beroperasi lebih 30 tahun. Hotel tersebut tidak lagi beroperasi sejak Mac tahun lalu sehingga kini. Sebahagian pekerja hotel telah berhenti manakala beberapa lagi menukar kerjaya sementara sebagai pekerja ladang bagi memastikan mereka dapat menyara keluarga masing-masing.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/146233/LAPORAN-KHAS/Kami-dah-lebih-setahun-berehat
14.	Sinar Harian 25 Jun 2021 (Essential)	<p>Industri hotel perlukan bantuan khas</p> <p>Industri perhotelan yang sudah tenat akibat pandemik COVID-19 memerlukan bantuan khas bagi menghidupkan kembali industri berkenaan. Perniagaan mereka ketika ini bukan hanya terhenti tetapi juga perlu menanggung bayaran utiliti, cukai, sewa dan gaji pekerja.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/146345/BERITA/Nasional/Industri-hotel-perlukan-bantuan-khas

	E. Subsektor Makanan & Minuman		
15.	Malaysiakini 25 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Dari penjaja ke restoran, bantuan k'jaan sukar diperoleh Pakej Prihatin membolehkan pengusaha kedai makan memperoleh skim subsidi gaji dan pinjaman mikro kredit sebanyak RM50,000 dari Bank Simpanan Nasional. Realitinya, beberapa pengusaha restoran kecil memberitahu bahawa ia tidak semudah itu kerana kebanyakan peniaga kecil tidak mempunyai buku kira-kira atau dokumen yang memenuhi syarat untuk mendapatkan bantuan.	https://m.malaysiakini.com/news/580561
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> 1. Persatuan peruncit memaklumkan perniagaan milik Bumiputera “di ambang kematian” kerana kekurangan bantuan kerajaan. 2. Pemandu bas henti-henti dan bas ekspres kehilangan pendapatan kerana sempadan daerah dan negeri ditutup, selain orang ramai yang tidak yakin menggunakan pengangkutan awam. Bantuan khas RM500 di bawah Pemerkastra Tambahan diberikan kepada segelintir penggiat industri pengangkutan, namun tidak termasuk pemandu bas henti-henti dan bas ekspres. 3. Sebanyak 100 klinik swasta dan 19 hospital swasta dijadikan Pusat Pengagihan Vaksin (PPV) untuk meningkatkan kapasiti harian pemberian vaksin di Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan menasarkan 50,000 suntikan vaksin sehari bagi Kuala Lumpur dan Putrajaya manakala 3,000 suntikan untuk Labuan. 4. Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin memaklumkan, hospital swasta negara ini bakal memulakan vaksinasi secara berbayar bagi individu yang mampu membayar caj pada bulan Ogos. 5. Dianggarkan bahawa 120 hotel menutup operasi secara penuh atau sementara kerana mencatatkan kerugian besar berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan 			

Pergerakan (PKP) 3.0. Antara hotel yang menutup operasi secara penuh dan sementara adalah Hotel Shah Village, Petaling Jaya; Hotel Shah Beach, Melaka; Royale Chulan Bukit Bintang, Kuala Lumpur; Puteri Pacific Hotel, Johor; Holiday Inn Resort, Pulau Pinang; Hotel Equatorial, Pulau Pinang; Hotel Silka Maytower, Kuala Lumpur; GTower Hotel, Kuala Lumpur; Kinta Riverfront Hotel & Suites, Perak; Ramada Plaza, Melaka; Jazz Hotel, Pulau Pinang; Berjaya Tioman Resort, Pahang; Sheraton Imperial, Kuala Lumpur (tutup sementara) dan Anson Hotel, Perak (tutup sementara).

6. Peniaga kecil terbeban kerana bantuan kerajaan sukar diperolehi menyebabkan ada di kalangan mereka terpaksa gulung tikar.

Maklumbalas Bahagian:

1. Jualan runcit secara dalam talian dapat membantu subsektor Perdagangan Runcit untuk bertahan.
2. Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah gulung tikar akan memberi kesan kejatuhan dalam prestasi Perdagangan Runcit.
3. Penutupan sempadan daerah dan negeri di seluruh negara dengan pelaksanaan PKP 3.0 memberi kesan pengurangan hasil yang ketara kepada perkhidmatan bas bandaraya (49211) dan perkhidmatan bas ekspres (49221) untuk tempoh ST2 2021. Bantuan khas dalam pakej Pemerka Tambahan pula hanyalah terhad kepada bas sekolah dan persiaran sahaja.
4. Semakin banyak vaksin diberikan oleh hospital dan klinik swasta yang terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Ini selari dengan peningkatan jumlah vaksin yang diterima oleh Negara. Keadaan ini dijangka turut menyumbang kepada peningkatan hasil industri kesihatan pada suku tahun akan datang.
5. Pendapatan yang diperoleh melalui *take-away* dan *delivery* tidak mampu menampung kos perbelanjaan pengusaha restoran seperti pembayaran sewa kedai dan sebagainya.
6. Kadar penghunian yang rendah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 akan memberi kesan pengurangan pendapatan industri perkhidmatan penginapan (55101) untuk tempoh ST2 2021.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times 25 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>CPO to reach RM3,200 per tonne in 2021: MIDF Research</p> <p>Crude palm oil (CPO) price is likely to reach RM3,200 per tonne this year, supported by upbeat export demand, slow production growth and firm demand for palm oil-based biodiesel.</p> <p>Unresolved labour shortages due to border closure and the implementation of Movement Control Order rules on agribusiness could also strengthen the CPO price. However, it is expected not to ease drastically below the RM2,500 level.</p> <p>CPO export demand improved in March 2021, with the total export demand reached above 1.0 million tonnes, driven by restocking activities from China and India.</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/06/702059/cpo-reach-rm3200-tonne-2021-midf-research
2.	The Edge Markets 28 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Malaysia records 26% jump in January-May trade to RM867.4b, trade surplus soars 112.2%</p> <p>Malaysia's total trade grew by 26% year-on-year (y-o-y) to RM867.4 billion in the first five months of 2021.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-records-26-jump-januarymay-trade-rm8674b-trade-surplus-soars-1122

		<p>The trade surplus surged by 112.2% to RM92.79 billion as exports rose by 31.1% to RM480.09 billion and imports increased by 20.1% to RM387.31 billion.</p> <p>All major markets, namely ASEAN, China, the US, the European Union (EU) and Japan, registered positive export growth.</p>	
3.	The Sun Daily 28 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Shot in the arm for companies with COVID-19 deals</p> <p>As Malaysia's COVID-19 vaccination programme picks up steam, companies that have ventured into the procurement and distribution of vaccines are set to benefit from such deals in the form of boosters to their income streams.</p> <p>As Malaysia grapples with containing the COVID-19 pandemic, an accelerated vaccine rollout has been touted as a viable solution to its woes and set it on the right track towards economic reopening and recovery.</p> <p>Apart from Sinovac and BioNtech-Pfizer, WHO has approved AstraZeneca, Sinopharm, Serum Institute of India, Janssen and Moderna vaccines for emergency use.</p>	https://www.thesundaily.my/business/shot-in-the-arm-for-companies-with-COVID-19-deals-BY8010245

Penemuan penting & isu:

1. Harga minyak sawit mentah (CPO) berkemungkinan mencapai RM3.200 per tan tahun ini, disokong oleh permintaan eksport yang stabil, pertumbuhan pengeluaran yang perlahan dan permintaan yang tegas untuk biodiesel berasaskan minyak sawit. Permintaan eksport CPO meningkat pada bulan Mac 2021, dengan jumlah permintaan eksport mencapai di atas 1,0 juta tan, didorong oleh aktiviti pengumpulan semula dari China dan India.
2. Jumlah perdagangan Malaysia meningkat 26% tahun ke tahun (y-o-y) kepada RM867.4 bilion dalam lima bulan pertama 2021. Lebihan perdagangan melonjak 112.2% kepada RM92.79 bilion kerana eksport meningkat 31.1% menjadi RM480.09 bilion dan import meningkat 20.1% kepada RM387.31 bilion. Semua pasaran utama, iaitu ASEAN, China, AS, Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun, mencatat pertumbuhan eksport yang positif.
3. Berikutan program vaksinasi COVID-19 Malaysia semakin meningkat, syarikat-syarikat yang telah menceburkan diri dalam pemerolehan dan pengedaran vaksin akan mendapat manfaat daripada tawaran tersebut dalam bentuk pendorong kepada aliran pendapatan mereka. Selain Sinovac dan BioNtech-Pfizer, WHO telah meluluskan vaksin AstraZeneca, Sinopharm, Serum Institute of India, Janssen dan Moderna untuk penggunaan kecemasan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit bagi Mei 2021 adalah RM5,785 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM158.0 juta atau 2.7 peratus bulan ke bulan. Eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit merupakan penyumbang utama bagi kategori pertanian iaitu sebanyak 77.0 peratus.
2. Nilai eksport Malaysia bagi tempoh Januari sehingga Mei 2021 adalah RM480,094 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM113,974 juta atau 31.1 peratus tahun ke tahun. Nilai import bagi Mei 2021 pula adalah RM387,309 juta dan turut mencatatkan peningkatan sebanyak RM64,908 juta atau 20.1 peratus tahun ke tahun.

3. Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada eksport negara dengan nilai eksport bagi tempoh Januari sehingga Mei 2021 adalah RM418,031 juta atau 87.1 peratus dari nilai keseluruhan. Diikuti oleh sektor pertanian sebanyak RM33,510 juta atau 7.0 peratus dan sektor perlombongan sebanyak RM26,687 juta atau 5.6 peratus. Tiga destinasi eksport utama Malaysia bagi tempoh Januari sehingga Mei 2021 adalah China (RM71,314 juta atau 14.9 peratus), diikuti oleh Singapura (RM69,144 juta atau 14.4 peratus) dan Amerika Syarikat (RM55,154 juta atau 11.5 peratus).
4. Nilai import bagi kod HS sepuluh digit 3002209000: *human blood; animal blood prepared for therapeutic, prophylactic or diagnostic uses; antisera, other blood fractions and immunological products, whether or not modified or obtained by means of biotechnological processes; vaccines, toxins, cultures of micro-organisms (excluding yeasts) and similar products. Vaccines for human medicine: other than tetanus toxoid and pertusis, measles, meningitis or polio vaccines* yang terkandung di dalamnya vaksin COVID-19 bagi Mei 2021 adalah RM119.7 juta dan menunjukkan penurunan sebanyak RM34.1 juta atau 22.2 peratus berbanding bulan sebelumnya.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Free Malaysia Today 24 June 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Lockdown affects supply chain for construction industry</p> <p>The construction industry is in need of its supply chain (steel and cement) for critical and essential construction works.</p> <p>Currently, only 10% of the steel and cement players' workforce are allowed, and they are idling or doing maintenance work, with no actual production operations.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/06/24/lockdown-affects-supply-chain-for-construction-industry-says-association/

2.	The Star 25 June 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>COVID-19 vaccination for construction sector to begin July 1 with focus on ongoing projects</p> <p>The COVID-19 immunisation programme for the construction industry is set to begin July 1 with a focus on ongoing construction projects.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/25/COVID-19-vaccination-for-construction-sector-to-begin-july-1-with-focus-on-ongoing-projects-says-ki
3.	The Edge 25 June 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Lim Wee Chai ups direct stake in Top Glove to 26.91% as share price tumbles</p> <p>Top Glove Corp Bhd executive chairman Tan Sri Dr Lim Wee Chai has raised his shareholding in the rubber glove manufacturer, as the group's share price sank in the past one month.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/lim-wee-chai-ups-direct-stake-top-glove-2691-share-price-tumbles
4.	The Edge 25 June 2021 <i>(essential)</i>	<p>Home Ministry announces launch of nationwide operation on SOP non-compliance in economic sectors</p> <p>The Home Ministry (KDN) announced the implementation of Ops Patuh, which is a nationwide integrated and large-scale operation against non-compliance with the standard operating procedure (SOP) in economic sectors allowed to operate during the total lockdown period</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/home-ministry-announces-launch-nationwide-operation-sop-noncompliance-economic-sectors
5.	The Edge 26 June 2021 <i>(essential)</i>	<p>Almost two million doses needed for vaccination in industrial sector, says Azmin</p> <p>The International Trade and Industry Minister said 600,000 doses of vaccine would be required in July, 600,000 doses in August and 795,000 doses in September for the PIKAS programme, which would be carried out at 49 designated industry vaccination centres (PPVs).</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/almost-two-million-doses-needed-vaccination-industrial-sector-says-azmin

Penemuan penting & isu:

1. *The critical construction projects that are still in operation throughout this lockdown are facing low stock rate in the supply chain.*
2. *So far, 15 per cent of the Malaysian population have received their first dose of the vaccine with 5.8 per cent being fully vaccinated.*
3. *Top Glove shares, which closed at RM4.35 today, has fallen 15.04% from RM5.18 recorded on May 31. The group's share price has been trending downward, as Malaysia continues to ramp up its vaccination plan amid rising COVID-19 cases in the country.*
4. *Ops Patuh would focus on aspects of wrongful use of the approval letter to operate issued by the relevant ministries, departments and agencies. Mobile roadblocks also would be mounted at industrial and manufacturing areas identified as COVID-19 hotspots nationwide. To ensure effective monitoring, strategic assets belonging to all enforcement agencies, like helicopters and drones, would be used.*
5. *2.25 million workers in the manufacturing sector were targeted to be vaccinated under PIKAS. Employers participating in the PIKAS programme were required to ensure that their workers were given the full two doses for free even if they left the company before completing the vaccination.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Tempoh *lockdown* telah memberi kesan kepada kelembapan industri pembinaan disebabkan pengurangan dalam bahan binaan. Antara bahan binaan penting dalam rantaian bekalan industri pembinaan adalah produk keluli dan simen untuk pembekalan bagi projek infrastruktur kritikal seperti MRT, LRT3 dan ECRL. Tahap penggunaan tenaga kerja 10% di kilang, pemberhentian aktiviti kerja peledakan dan pengekstrakan bagi pengkuarian serta hanya menggunakan stok sedia ada akan terus mengganggu rantaian ekonomi sektor lain secara keseluruhan.
2. Program imunisasi COVID-19 untuk sektor pembinaan akan bermula pada 1 Julai dengan fokus kepada projek pembinaan yang sedang dijalankan. Pada suku pertama 2021, hampir 1.3 juta pekerja terlibat dalam sektor pembinaan.
3. Peningkatan vaksinasi telah memberi kesan terhadap permintaan sarung tangan, iaitu penurunan harga saham sebanyak 15.04% daripada RM5.18 yang dicatakan pada 31 Mei.

- | |
|--|
| <p>4. Pelaksanaan sekatan jalan secara bergerak di kawasan perindustrian dan pembuatan yang cenderung terhadap penularan wabak Covid merupakan salah satu daripada operasi Ops Patuh.</p> <p>5. Sebanyak 2.25 juta pekerja di sektor pembuatan disasarkan untuk diberi vaksin di bawah PIKAS dan majikan yang mengikuti program PIKAS diminta untuk memastikan pekerja mereka diberi dua dos penuh secara percuma walaupun mereka meninggalkan syarikat sebelum menyelesaikan vaksinasi.</p> |
|--|

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	BH Online 25 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Genting yakin prospek perniagaan di AS</p> <p>Konglomerat Malaysia, Genting Group melihat keyakinan pengguna kembali di Amerika Syarikat (AS) dengan pelaksanaan vaksinasi serta penurunan kes serta kematian akibat COVID-19. Genting, dengan perniagaan daripada perladangan hingga kapal persiaran, membuka Resorts World Las Vegas pada Khamis, hartaanah terbesar di daerah Strip bandar raya itu dalam tempoh lebih sedekad. Hartaanah bernilai AS\$4.3 bilion (RM17.9 bilion) di Las Vegas adalah suntikan kepada bandar perjudian AS itu, yang ditutup selama tiga bulan tahun lalu disebabkan oleh COVID-19. Resorts World Las Vegas yang turut didiami Celine Dion menampilkan 3,500 bilik hotel, teater 5,000 tempat duduk serta skrin LED sebesar 100,000 kaki persegi di bahagian sisi salah satu menara.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/832012/genting-yakin-prospek-perniagaan-di

2.	<p>Sundaily 25 Jun 2021 (<i>Non-Essential</i>)</p>	<p>NCER draws RM16 bln investments in 2021 despite pandemic headwinds</p> <p>The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) has secured investments worth over RM16 billion for 2021, generating more than 19,000 jobs for the Northern Corridor Economic Region (NCER). The investments received by the NCIA were in collaboration with the Ministry of Finance (MOF), the Economic Planning Unit (EPU), the Ministry of International Trade and Industry (MITI) and the Malaysian Investment Development Authority (MIDA), in line with the government's efforts to successfully roll out the National Recovery Plan that was announced by the Prime Minister on June 15. The companies that investing in the NCER are Aspen Glove Sdn Bhd, Ammorium Resources Sdn Bhd, Intel Technology Sdn Bhd, Intel Microelectronics (M) Sdn Bhd, Greatech Integration (M) Sdn Bhd and Infineon Technologies (Kulim) Sdn Bhd.</p>	<p>https://www.thesunday.my/business/ncer-draws-rm16-bln-investments-in-2021-despite-pandemic-headwinds-YD8005247</p>
----	---	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Genting membuka Resorts World Las Vegas pada Khamis, hartaanah terbesar di daerah Strip bandar raya itu dalam tempoh lebih sedekad. Hartanah bernilai AS\$4.3 bilion (RM17.9 bilion) menampilkan 3,500 bilik hotel, teater 5,000 tempat duduk serta skrin LED sebesar 100,000 kaki persegi di bahagian sisi salah satu menara.

2. Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) telah berjaya mendapatkan pelaburan bernilai lebih RM16 bilion pada 2021. Ini memberikan harapan kepada pemulihian ekonomi pasca COVID-19. Pelaburan ini merupakan kerjasama bersama dengan Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Maklumbalas Bahagian:

- Penutupan kuari dan pengurangan bahan binaan memberi kesan kepada rantaian bekalan kepada industri binaan di Malaysia termasuklah kepada projek infrastruktur kritikal seperti LRT3, MRT dan ECRL. Ini memberikan kesan kepada penyusunan statistik Akaun Semasa terutamnya dalam komponen Pembinaan. Pada suku pertama 2021, komponen Pembinaan mencatatkan aliran keluar bersih RM0.7 bilion berbanding RM0.4 bilion pada suku sebelumnya.
- Pembukaan Resorts Word Las Vegas merupakan pelaburan asing yang memberi keyakinan kepada kumpulan Genting berikutan peningkatan vaksinasi serta penurunan kes yang memberikan keyakinan kepada pengguna untuk berbelanja sekali lagi. Ini memberi kesan kepada penyusunan statistik Akaun Kewangan terutamanya komponen Pelaburan Langsung. Pada suku pertama 2021, komponen ini mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM1.4 bilion berbanding RM1.6 bilion pada suku sebelumnya.
- Pengumuman pelaburan yang telah berjaya dimeterai pada 2021 memberikan impak positif kepada pelaburan yang diterima Malaysia termasuk penciptaan kerja walaupun negara masih dilanda wabak pandemik COVID-19. Ini memberi kesan kepada penyusunan statistik Akaun Kewangan secara keseluruhannya. Pada suku pertama 2021, Akaun Kewangan mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM16.0 bilion berbanding aliran keluar bersih RM10.2 bilion pada suku sebelumnya.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 28 Jun 2021 (Essential)	Moratorium menyeluruh enam bulan diperlukan bagi jaringan keselamatan sosial, perniagaan Moratorium pinjaman kepada semua perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) serta isi rumah B40 dan M40 selain	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/moratorium-menyeluruh-enam-bulan-diperlukan-bagi-jaringan-keselamatan-sosial-

		<p>moratorium bersasar sekurang-kurangnya tiga bulan atau pengurangan bayaran pinjaman 50 peratus selama enam bulan kepada individu, adalah diperlukan bagi memastikan jaringan keselamatan sosial dan perniagaan.</p> <p>Menurut EMIR Research, sambutan hebat dari segi permohonan serta manfaat bantuan itu kepada banyak pihak berikutan prospek ekonomi yang dijangka mencabar, menunjukkan moratorium pinjaman perlu dilanjutkan kepada moratorium menyeluruh sehingga enam bulan.</p>	<u>perniagaan-emir-research-305529</u>
2.	Berita Harian 25 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Ekonomi negara mampu pulih dengan pantas</p> <p>Ekonomi Malaysia mampu pulih dengan pantas sama ada pada kadar 4.5 peratus tahun ini atau 6.5 peratus pada waktu akan datang sekiranya pelan pemulihan berjalan lancar, kata penganalisis pengurusan krisis.</p> <p>Ekonomi negara akan pulih dengan cepat apabila aktiviti ekonomi dibuka sepenuhnya kelak.</p> <p>Kenaikan kes jangkitan COVID-19 baru-baru ini telah menimbulkan keimbangan terhadap keupayaan sistem kesihatan Malaysia sementara pelaksanaan sekatan pergerakan penuh turut memberi keimbangan.</p>	<u>https://www.bharan.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/832078/ekonomi-negara-mampu-pulih-dengan-pantas</u>

	<p>Menurut 'Malaysia Economic Monitor: Weathering the Surge' oleh Bank Dunia yang dikeluarkan pada Rabu, unjuran pertumbuhan ekonomi itu lebih mencerminkan proses yang lebih perlahan tidak seperti dijangka untuk menangani pandemik dan pelaksanaan program vaksinasi.</p> <p>Keutamaan segera Malaysia perlu ditumpukan kepada pengurusan pandemik yang cekap serta kesannya ke atas individu, isi rumah dan perniagaan.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Moratorium pinjaman kepada semua perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) serta isi rumah B40 dan M40 selain moratorium bersasar sekurang-kurangnya tiga bulan atau pengurangan bayaran pinjaman 50 peratus selama enam bulan kepada individu, amat diperlukan bagi memastikan jaringan keselamatan sosial dan perniagaan. EMIR Research menyatakan sambutan yang menggalakkan dari segi permohonan yang memberi manfaat bantuan kepada banyak pihak berikutan prospek ekonomi yang dijangka mencabar menunjukkan moratorium menyeluruh diperlukan sehingga enam bulan.
2. Ekonomi Malaysia mampu pulih dengan pantas pada kadar 4.5 peratus tahun 2021 atau 6.5 peratus sekiranya pelaksanaan pelan pemulihan negara berkesan. Seterusnya ekonomi negara akan pulih dengan cepat apabila aktiviti ekonomi dibuka sepenuhnya. Unjuran pertumbuhan ekonomi tersebut mencerminkan proses yang lebih perlahan untuk menangani pandemik dan pelaksanaan program vaksinasi menurut 'Malaysia Economic Monitor: Weathering the Surge' oleh Bank Dunia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan moratarium yang bersasar dan menyeluruh dijangka akan membantu banyak pihak terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) serta isi rumah B40 dan M40. Bantuan ini akan meningkatkan kuasa beli kepada isi rumah, seterusnya dijangka akan memberi kesan yang baik kepada peniaga, sekaligus membantu pemulihan ekonomi negara serta mewujudkan jaringan keselamatan sosial dan perniagaan.

G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Sun Daily 25 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MAFI hands over 200 food baskets to Melaka Tengah PPV frontliners</p> <p>MAFI Prihatin programme are handing out 200 food basket that are worth of RM10,000 to the frontliners who are working at the vaccination centers in Melaka Tengah in appreciation off their services and contribution of their time to help the government.</p>	https://www.thesunday.my/local/mafi-hands-over-200-food-baskets-to-melaka-tengah-ppv-frontliners-CE8006073
2.	BH Harian 26 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>IAM peruntuk RM1 juta bantu golongan terjejas</p> <p>Lebih RM1 juta diperuntukan oleh Islamic Aid Malaysia (IAM) bagi membantu orang ramai yang terkesan akibat pandemik COVID-19 sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu. IAM menjalin kerjasama dengan Etiqa Takaful dengan mengadakan program Bantuan Jejak Prihatin COVID-19 untuk meringankan beban kesusahan keluarga miskin khususnya komuniti dalam kalangan penoreh getah dan petani yang berada di kawasan pedalaman.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/832342/iam-peruntuk-rm1-juta-bantu-golongan-terjejas

3.	<p>Berita Harian 26 Jun 2021 (<i>Essential</i>)</p>	<p>Kerajaan komited tingkat capaian internet luar bandar</p> <p>Kerajaan sedang menterjemah perancangan capaian Internet di seluruh negara, termasuk kawasan pedalaman dan perkampungan Orang Asli supaya semua lapisan masyarakat dapat menikmati jaringan komunikasi yang lebih baik.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/832315/kerajaan-komited-tingkat-capaian-internet-luar-bandar</p>
4.	<p>Sinar Harian 27 Jun 2021 (<i>Essential</i>)</p>	<p>SKMM turun padang atasi masalah capaian internet</p> <p>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Johor bertindak proaktif dalam mengatasi masalah capaian internet lemah di negeri ini khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman melalui kerjasama dengan syarikat telekomunikasi dan wakil rakyat.</p>	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/146679/EDISI/SKMM-turun-padang-atasi-masalah-capaian-internet</p>
5.	<p>Metro Online 28 Jun 2021 (<i>Essential</i>)</p>	<p>Pengusaha pelancongan Tasik Kenyir terima bantuan</p> <p>Pendapatan 227 pengusaha bot termasuk pemandu serta pekerja di Kuala Berang terjejas akibat pelaksanaan PKP. Seramai 175 penggiat pelancongan yang berkahwin menerima bayaran berjumlah RM500 manakala 102 penerima bujang menerima RM300 seorang. Bantuan merupakan bantuan fasa kedua sepanjang tempoh PKP dalam program tanggungjawab sosial (SCR) Ketengah.</p>	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/723590/pengusaha-pelancongan-tasik-kenyir-terima-bantuan</p>

Penemuan penting & isu:

1. Melalui program MAFI Prihatin, bakul makanan yang bernilai sebanyak RM50 yang mengandungi bahan-bahan keperluan makanan diagihkan sebanyak 200 unit kepada petugas di pusat vaksinasi.
2. Program Jejak Prihatin Bantuan COVID-19 yang dikendalikan oleh Islamic Aid Malaysia (IAM) membantu golongan yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Kawasan pedalaman.
3. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) berkata Kerajaan sedang menterjemah perancangan capaian Internet di seluruh negara termasuk Kawasan pedalaman dan perkampungan Orang Asli. Perancangan ini termasuk melakukan transformasi ke atas 873 Pusat Internet Komuniti (PIK) di seluruh negara.
4. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Johor bersama wakil syarikat telekomunikasi dan wakil rakyat bertindak proaktif untuk turun ke lokasi yang telah dikenal pasti tiada capaian internet.
5. Seramai 227 pengusaha pelancongan di Kuala Berang menerima bantuan masing-masing bernilai RM500 bagi yang sudah berkahwin dan RM300 bagi mereka yang bujang.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan pendapatan isi rumah bagi survei HIES yang akan datang.
2. Penambahbaikan kemudahan internet yang diberikan oleh kerajaan akan meningkatkan capaian internet bagi isi rumah dan maklumat ini akan dijadikan sebagai rujukan untuk semakan penemuan penyiasatan ICTHS yang akan datang.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 27 Jun 2021 (Non-Essential)	<p>COVID-19: Jumlah dos vaksin diagihkan 7.2 juta - Menteri Kesihatan</p> <p>Jumlah keseluruhan pemberian vaksin COVID-19 untuk kedua-dua dos pertama dan dos kedua mencecah 7,226,949 setakat Sabtu.</p> <p>Melalui perkongsian grafik terbaharu di Twitter Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba, jumlah penerima vaksin dos pertama ialah seramai 5,204,993 orang manakala dos kedua, 2,021,956 orang. Bagaimanapun, jumlah pemberian vaksin dalam tempoh 24 jam lepas menurun sedikit, iaitu sebanyak 187,877 dos, berbanding 215,968 hari sebelumnya.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-jumlah-dos-vaksin-diaghikan-72-juta-menteri-kesihatan-305330
2.	Berita Harian 27 Jun 2021 (Non-Essential)	<p>5,586 kes baharu, Selangor 2,212 jangkitan</p> <p>Jumlah kes harian COVID-19 masih dalam julat lebih 5,000 untuk lima hari berturut-turut apabila sebanyak 5,586 kes dilaporkan setakat tengah hari tadi, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes kini meningkat kepada 734,048 kes.</p> <p>Kes harian hari ini bagaimanapun turun sedikit daripada jumlah jangkitan yang dilaporkan semalam (26 Jun 2021) sebanyak 5,803 kes.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/832664/5586-kes-baharu-selangor-2212-jangkitan

Penemuan penting & isu:

1. Berdasarkan paparan grafik yang dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan COVID-19 (JKJAV) pada 27 Jun 2021, Sarawak paling tinggi dengan 919,990 penerima dos pertama dan 212,979 penerima dos kedua. Ia diikuti Kuala Lumpur dengan 908,820 penerima dos pertama, 170,621 penerima dos kedua dan Selangor dengan 826,502 penerima dos pertama, 268,730 penerima dos kedua. Johor pula mencatatkan 426,842 penerima dos pertama dan 211,797 penerima dos kedua, manakala Sabah merekodkan 369,047 penerima dos pertama dan 167,017 penerima dos kedua.
2. Selangor terus menjadi negeri tertinggi mencatatkan kes baharu dengan 2,212 kes. Ini diikuti Kuala Lumpur sebanyak 628 kes; Sarawak (513); Negeri Sembilan (501); Melaka (380); Johor (312); Perak (229); Sabah (190) dan Pulau Pinang (138). Turut dilaporkan pertambahan kes hari ini adalah Kelantan dengan 133 kes baharu, Kedah (129) dan Pahang (118). Selain itu dua negeri lagi mencatatkan pertambahan dua digit iaitu Labuan dengan 83 kes seerta Terengganu, 16 kes. Selain itu Putrajaya mencatatkan empat kes baharu manakala tiada kes dilaporkan di Perlis. Mengenai kes kematian pula, sebanyak 60 kes dicatat membabitkan 52 warganegara dan lapan warga asing yang semuanya berusia antara 20 hingga 88 tahun.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2021 dianggarkan 32.75 juta orang, meningkat 0.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (32.62 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 29.91 juta orang (91.3%) warganegara dan 2.84 juta orang (8.7%) bukan warganegara. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua meningkat daripada 2.26 juta kepada 2.37 juta bagi tempoh yang sama).
2. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
 - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan;
 - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020; dan
 - Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 25 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Golongan OKU perlu diberi bantuan makanan basah</p> <p>Bantuan makanan basah perlu diberikan kepada golongan yang terjejas, terutama orang kurang upaya (OKU) bagi memastikan mereka mendapat keperluan nutrisi yang mencukupi sepanjang tempoh pandemik COVID-19.</p> <p>Keperluan makanan yang berkhasiat seperti syor Kementerian Kesihatan adalah seperti daging, ikan dan sayuran, dan ia bukan kategori makanan kering. Ramai pihak yang menghulurkan bantuan makanan terlepas pandang mengenai aspek kesihatan ini dan kebanyakkan mereka hanya memberi bantuan dalam bentuk pek makanan kering. Justeru, adalah wajar supaya bekalan makanan basah diberikan ketika tempoh pandemik ini.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/832033/golongan-oku-perlu-diberi-bantuan-makanan-basah
2.	Berita Harian 25 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Lanjutan PSU, moratorium pastikan PKS terus bertahan</p> <p>Bagi membantu Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS), dicadangkan kerajaan melanjutkan Program Subsidi Upah (PSU) hingga hujung tahun, selain mengarahkan bank memberi moratorium pinjaman secara automatik serta tanpa faedah kepada mana-mana PKS</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/832074/lanjutan-psu-moratorium-pastikan-pks-terus-bertahan

		<p>yang tidak dapat beroperasi dan memohon moratorium.</p> <p>Selain itu, semua kutipan dan caruman wajib seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan bayaran lesen untuk semua PKS yang tidak dapat beroperasi perlu dihentikan serta merta.</p>	
3.	Berita Harian 26 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Utamakan lindungi nyawa rakyat, jaga kepentingan negara</p> <p>Usaha memutuskan rantaian pandemik COVID-19 adalah cabaran besar kerajaan dalam menyeimbangkan antara tuntutan menyelamatkan nyawa rakyat dan kesejahteraan negara.</p> <p>Melindungi dan memelihara nyawa rakyat merupakan perkara yang diutamakan oleh kerajaan semasa pandemik ini bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan negara itu tidak terpisah.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/832371/utamakan-lindungi-nyawa-rakyat-jaga-kepentingan-negara

Penemuan penting & isu:

1. Bantuan makanan basah perlu diberikan kepada golongan yang terjejas, terutama OKU bagi memastikan mereka mendapat keperluan nutrisi yang mencukupi sepanjang tempoh pandemik COVID-19.
2. Pelanjutan Program Subsidi Upah (PSU) dan pemberian moratorium pinjaman secara automatik antara kemudahan yang amat diperlukan komuniti perniagaan PKS bagi memastikan kelangsungan dalam berdepan pandemik COVID-19.

3. Usaha memutuskan rantaian pandemik COVID-19 adalah cabaran besar kerajaan dalam menyeimbangkan antara tuntutan menyelamatkan nyawa rakyat dan kesejahteraan negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Golongan OKU merupakan antara golongan yang terjejas semasa pandemik ini. Pemberian bantuan makanan basah kepada golongan ini dapat membantu golongan tersebut mendapat keperluan nutrisi yang mencukupi bagi menjalani kehidupan seharian. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 548,195 orang.
2. PKS merupakan antara golongan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 ini dan kebanyakannya mereka mempunyai aliran tunai kurang daripada satu bulan. Inisiatif kerajaan melanjutkan PSU dan memberi moratorium pinjaman secara automatik akan membantu mereka untuk terus bertahan dalam industri ini. Merujuk kepada Survei Sektor Informal 2019, bilangan tenaga kerja di dalam sektor informal adalah sebanyak 1.26 juta orang.
3. Kesejahteraan rakyat dapat dipelihara semasa pandemik ini dengan menjamin nyawa rakyat sentiasa dalam keadaan selamat dan dilindungi. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2019 meningkat 0.6 peratus pada 2019 kepada 121.0 mata berbanding 120.3 mata pada 2018.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Kosmo 25 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	PST raih jualan RM5 juta sepanjang PKP Lembaga Pertubuhan Peladang (LLP) berjaya meraih jualan hampir RM5 juta menerusi pelaksanaan Pasar Segar Terkawal (PST) dalam tempoh tiga minggu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.	https://www.kosmo.com.my/2021/06/25/pst-raih-jualan-rm5-juta-sepanjang-pkp/

2.	Utusan 26 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Ramai tanam pisang ketika PKP, pengeluaran kini berlebihan Jumlah individu terlibat dalam penanaman pisang yang meningkat sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama tahun lalu antara faktor berlakunya lambakan hasil tani itu ketika ini.	https://www.utusan.com.my/COVID-19/2021/06/ramai-tanam-pisang-ketika-pkp-pengeluaran-kini-berlebihan/
3.	Sinar Harian 26 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Hanya sayur rosak, tidak berkualiti dibuang Pembuangan hasil pertanian di Cameron Highlands hanya melibatkan sayuran yang sudah rosak atau tidak memenuhi kualiti standard untuk dipasarkan.	https://www.sinarharian.com.my/article/146450/EDISI/Hanya-sayur-rosak-tidak-berkualiti-dibuang
4.	Sinar Harian 26 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Bunga Cameron Highlands masih terjual untuk pasaran luar Pengeluaran bunga dari Cameron Highlands bagi pasaran utamanya di luar negara masih kekal stabil ketika ini.	https://www.sinarharian.com.my/article/146467/EDISI/Bunga-Cameron-Highlands-masih-terjual-untuk-pasaran-luar
5.	Harian Metro 27 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Bekalan terhad, permintaan tinggi Harga jualan durian ini tidak menentu bergantung kepada hasil sama ada banyak atau sebaliknya pada satu-satu musim.	https://www.hmetro.com.my/xpresi/2021/06/723122/bekalan-terhad-permintaan-tinggi

6.	Utusan 26 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Jualan durian tetap laris – FAMA Tiada isu lambakan durian sebaliknya permintaan terhadap raja buah itu terus meningkat sehingga tidak mampu menampung bekalan sedia ada.	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/jualan-durian-tetap-laris-fama/
7.	Sinar Harian 26 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Penjana lulus RM198.67 juta bantu pengusaha pertanian Sebanyak RM198.67 juta pembiayaan telah diluluskan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank melalui peruntukan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) sehingga 16 Jun lepas bagi membantu pengusaha pertanian yang terkesan akibat penularan COVID-19.	https://www.sinarharian.com.my/article/146530/BERITA/Nasional/Penjana-lulus-RM19867-juta-bantu-pengusaha-pertanian

Penemuan penting & isu:

1. Terdapat 27 buah PST yang beroperasi di seluruh negara ketika ini dalam memberikan akses pilihan kepada pengguna bagi mendapatkan barang keperluan harian.
2. Hilang pekerjaan akibat PKP, ramai yang cuba melibatkan diri dengan projek tanaman pisang termasuk pisang jenis berangan sebagai usaha menampung kelangsungan hidup mereka. Namun, masalah pemain baru ini tidak mempunyai pasaran yang kukuh untuk dipasarkan.
3. Setiap hari antara 100 hingga 150 kilogram tomato rosak dibuang oleh pekebun di sini (Cameron Highlands) disebabkan perkara ini. Jumlah sayuran harian yang dilupuskan hanya sekitar dua ke lima peratus daripada keseluruhan hasil pertanian dikeluarkan pengusaha.

4. Negara luar yang mendapatkan 75 peratus daripada bunga keluaran Cameron Highlands ialah Jepun, Singapura dan Thailand. Isu pengeluaran bunga tidak terjual ketika ini adalah melibatkan pasaran dalam negara yang meliputi 25 peratus daripada keseluruhan hasil bunga dari kawasan berkenaan.
5. Orang ramai tidak perlu bimbang kerana dijangka harga buah durian menurun bermula minggu depan iaitu awal Julai kerana berada pada kemuncak musim.
6. Isu durian yang dikatakan tidak terjual adalah kerana terdapat segelintir peniaga yang baru sahaja menceburi bidang ini dan berkemungkinan kurang mendapat pendedahan mengenai strategi pemasaran bagi memasarkan durian. FAMA sudah menggunakan platform jualan dalam talian iaitu Shopee untuk memastikan tiada lambakan durian pada musim yang sedang bermula di seluruh negara.
7. Seramai 15,612 pengusaha perusahaan kecil sederhana dan pertanian telah menerima pembiayaan daripada keseluruhan RM350 juta yang diperuntuk di bawah skim mikrokredit ini. Kerajaan sentiasa memberi penekanan khusus terhadap sekuriti makanan bagi memastikan jaminan dan kelangsungan bekalan makanan negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengeluaran pisang pada 2019 adalah sebanyak 325,446.9 tan metrik, menurun 1.75 peratus berbanding 331,254.6 tan metrik pada 2018. Pertambahan bilangan pengusaha pisang dijangka akan meningkatkan jumlah pengeluaran pisang pada 2021. Statistik pengeluaran pisang turut diliputi dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih dan Indikator Pertanian Terpilih. Berdasarkan penerbitan IPT 2020, sehingga Jun 2020, harga runcit pisang berangan adalah RM4.75 meningkat RM0.10 berbanding tahun 2020.
2. Pelupusan tanaman yang rosak dan tidak berkualiti akan menyebabkan kerugian merupakan salah satu komponen dalam pengiraan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi (SUA). Walaupun berlaku pelupusan kepada tanaman tomato, namun kadar sara diri (SSR) tomato setiap tahun melebihi 100 peratus yang mana pada 2019, SSR tomato adalah 131.2 peratus. Ini menunjukkan pengeluaran tomato tempatan masih mampu memenuhi permintaan domestik.
3. Pengeluaran sayur-sayuran seperti sawi dan salad pada 2019 adalah 145,427.7 tan metrik dan 48,737.8 tan metrik. Pengeluaran sayur-sayuran ini meningkat masing-masing 13.0 peratus dan 5.7 peratus berbanding 2018. Kerugian disebabkan tanaman yang rosak dijangka akan meningkat pada 2021 kesan daripada pelaksanaan PKP.

4. Industri bunga-bungaan antara industri yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Berdasarkan kepada Perangkaan Agromakanan 2019 yang diterbitkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, pengeluaran bunga-bungaan di Malaysia pada 2019 mencatatkan 528,096 keratan. Ekspor bunga-bungaan pada 2019 adalah RM 36.9 juta, meningkat berbanding RM30.8 juta pada 2018.

5. Durian merupakan item yang diliputi dalam penyusunan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih serta Indikator Pertanian Terpilih. Pada 2019, pengeluaran durian merekodkan sebanyak 377,251.0 tan metrik (kadar sara diri 105.2%) manakala kerugian durian pula adalah 10,758.6 tan metrik. Merujuk kepada penerbitan Indikator Pertanian terpilih 2020, purata harga durian kampung bagi tempoh Jan-Jun 2020 adalah RM12.10 manakala durian D24 adalah RM21.65. Tempoh PKP dijangka tidak memberi kesan langsung kepada pengeluaran durian.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 28 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>SME Bank peruntuk RM200 juta bantu usahawan dalam sektor 3D</p> <p>SME Bank memperuntukkan dana sebanyak RM200 juta di bawah Pembiayaan Geran Padanan PEMERKASA bagi membantu usahawan dari sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) terutamanya bidang pembuatan, perkhidmatan, pertanian dan pembinaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Pembiayaan ini membolehkan usahawan PKS membuat pembelian mesin, peningkatan adaptasi teknologi dalam perniagaan dan membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1976589

2.	<p>The Edge Market</p> <p>28 Jun 2021</p> <p><i>(Non-essential)</i></p>	<p>PEMULIH package to feature cash assistance, employment allowances, food bank programmes</p> <p>Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) worth RM150 billion, inclusive of a fiscal injection of RM10 billion unveiled today. To date, the government has introduced various economic stimulus packages worth RM380 billion to support the domestic economy and protect livelihoods amid the COVID-19 pandemic.</p> <p>RM500 will be given to those who have lost their jobs in 2021 with RM500 million assistance expected to benefit one million individuals. The employment allowance expanded to non-SOCSO contributors including fresh graduates, school leavers and informal sector workers with RM300 once they register themselves in MYFuturejobs platform.</p> <p>RM125 million will be allocating through HRD Corp to implement “Place and Train” initiatives under the Janapreneur programme to school leavers and graduates. The Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) will improvise the existing programmes such as eRezeki and GLOW to assist more than 20,000 job seekers in the GIG economy.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/pemulih-package-feature-cash-assistance-employment-allowances-food-bank-programmes</p>
----	---	---	--

3.	<p>The Edge Market 26 Jun 2021 <i>(Essential)</i></p>	<p>G1, G2 contractors can apply for operation approval at nearest police station — IGP</p> <p>G1 and G2 contractors who are appointed by local authorities can apply for approval to operate during the Movement Control Order at the nearest police station.</p> <p>Self-employed workers such as plumbers, maintenance workers, roadside hawkers who have no employers could obtain movement approval from PDRM is one off while the approval letter obtained earlier can still be used.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/g1-g2-contractors-can-apply-operation-approval-nearest-police-station-%E2%80%94-igp</p>
----	---	---	--

Penemuan penting & isu:

1. SME Bank memperuntukkan dana sebanyak RM200 juta di bawah Pembiayaan Geran Padanan PEMERKASA bagi membantu usahawan dari sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) yang terkesan akibat COVID-19. Pembiayaan ini membolehkan usahawan PKS membuat pembelian mesin, peningkatan adaptasi teknologi dalam perniagaan dan membantu dalam mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.
2. Kerajaan telah mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemuliharan Ekonomi (PEMULIH) bernilai RM150 bilion termasuk RM10 bilion suntikan fiskal. Sebanyak RM500 akan diberikan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan pada 2021 dengan bantuan RM500 juta yang dijangka memanfaatkan 1 juta individu. Elaun Mencari Pekerjaan diperluas kepada bukan pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) termasuk graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal dengan bayaran RM300 setelah mendaftar di platform *MYFuturejobs*. RM125 juta pula diperuntukkan melalui HRD Corp bagi melaksanakan inisiatif “Place and Train” di bawah program kepada lepasan sekolah dan graduan. *Malaysian Digital Economy Corporation* (MDEC) pula akan menambah baik program sedia ada seperti eRezeki dan GLOW bagi membantu lebih 20 ribu pencari kerja dalam ekonomi GIG.

3. Kontraktor kelas G1 dan G2 yang dilantik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh memohon kebenaran beroperasi dalam tempoh PKP di balai polis berdekatan. Mereka yang bekerja sendiri seperti tukang paip, pekerja penyelenggaraan dan penjaja makanan yang tidak mempunyai majikan boleh mendapatkan kebenaran pergerakan daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan surat kebenaran sebelum ini masih boleh digunakan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Petikan Sorotan Pasaran Buruh ST1 2021 yang diterbitkan pada 21 Mei 2021 menyatakan ketika krisis, kumpulan rentan seperti golongan yang bekerja dalam sektor ekonomi informal sama ada di sektor informal atau terlibat dalam guna tenaga informal akan terjejas dan lebih terdedah kepada kesulitan. Golongan ini merangkumi pekerja sementara tanpa perjanjian kontrak dengan majikan, bekerja sendiri dan pekerja keluarga. Selain itu, golongan yang baru menyertai pasaran buruh, walaupun bekerja dalam pekerjaan bergaji, turut terkesan kepada kehilangan pekerjaan dan kerugian pendapatan akibat daripada krisis ekonomi ini.
2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan April 2021 yang diterbitkan pada 9 Jun 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,094.7 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,352.0 ribu
 - iii) Penganggur: 742.7 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,376.8 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
 - iii) Penganggur: 771.8 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
4. Berikut merupakan statistik penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan yang diterbitkan menerusi Laporan Tenaga Buruh bagi tempoh ST1 2021:
 - i) Majikan: 491.4 ribu (Sumbangan: 3.2%)
 - ii) Pekerja: 11,941.4 ribu (Sumbangan: 78.4%)
 - iii) Bekerja sendiri: 2,351.8 ribu (Sumbangan: 15.4%)
 - iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 452.0 ribu (Sumbangan: 3.0%)

5. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:
- i) Jawatan: 8,437.5 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
 - iii) Kekosongan: 177.9 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
6. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
 - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)
7. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
 - iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
 - iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
 - v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
 - vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)